

09/08/1997

Pastikan Akta Rasuah tidak diperalat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju dengan tindakan membersihkan parti, kerajaan dan negara daripada amalan rasuah sekarang dan mahu usaha berkenaan diteruskan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, Umno akan memastikan Akta Rasuah 1997 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat bulan lalu, tidak akan diperalatkan oleh orang tertentu.

"Undang-undang baru itu memberi lebih banyak kuasa kepada BPR (Badan Pencegah Rasuah) tetapi kita tidak mahu pihak tertentu memperalatkan BPR untuk kepentingan politik mereka dengan tuduhan yang dihebahkan kepada semua orang walaupun tuduhan itu tidak ada asas," katanya.

Presiden Umno itu memberitahu demikian selepas mempengerusikan mesyuarat MT parti itu selama kira-kira empat jam di sini petang ini. Mesyuarat itu adalah yang pertama dipengeruskannya selepas bercuti di luar negara selama dua bulan.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT juga turut berpuas hati dengan kedudukan ringgit sekarang walaupun nilainya merosot. Sehubungan itu, MT berpendapat kerajaan tidak perlu mengambil sebarang tindakan lanjut untuk meningkatkan nilai ringgit.

"Kita berpuas hati dengan kedudukan ringgit sekarang, walaupun nilainya turun kita tidak akan buat apa-apa.

"Kita yakin nilai ringgit dapat dipulihkan kerana satu masa dulu apabila paun (sterling) diserang dan jatuh harga, ia pulih semula sehingga menjadi mata wang terkuat di dunia seperti sekarang," katanya.

Beliau diminta menjelaskan pandangan Umno mengenai langkah terbaru Bank Negara menghadkan urusan niaga pertukaran wang bagi membendung kegiatan spekulasi yang dianggap menentang arus perkembangan mata wang.

Dr Mahathir berkata kejatuhan ringgit tidak begitu serius berbanding mata wang negara lain.

"Kita dapati kejatuhan nilai ringgit bukan banyak sangat, Deutch Mark (Jerman) jatuh 17 peratus, kita cuma jatuh lima peratus saja...tak begitu banyak.

"Lagipun bila kita bertahan ia (spekulator) akan dapat keuntungan daripada tindakan kita mempertahankan ringgit. Kita tak mahu memberi keuntungan kepadanya (spekulator)," katanya.

Menurutnya, beliau masih tidak berganjak dengan pendirian mengenai kejatuhan ringgit terutama berkaitan campur tangan dan manipulasi oleh orang tidak bertanggungjawab seperti pembiaya kewangan Amerika Syarikat, George Soros.

(END)